

Pasaran Tunggal Eropah mungkin jejas Asean: PM

PH 2 SEP 1988

Foreign Tapes
BONN, Isnia — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan kebimbangan Asean terhadap usaha mewujudkan Pasaran Tunggal Eropah yang mungkin menambah sekatan kemasukan barangan negara membangun ke pasaran Eropah.

Langkah itu juga, katanya, akan mengalih pelaburan Eropah ke negara anggota Kesatuan Eropah (EC) yang rendah kos pengeluarannya dan kesannya tentulah menjejaskan usaha meningkatkan pelaburan Eropah di Asean.

"Adalah menjadi harapan Malaysia agar Pasaran Tunggal Eropah yang akan diwujudkan pada 1992 tidak akan bersifat "melihat ke dalam", sebaliknya akan terus mengutamakan kebebasan perdagangan antarabangsa," katanya.

Dua belas anggota EC-Britain, Jerman Barat, Perancis, Belgium, Switzerland, Luxembourg, Sweden, Belanda, Itali, Sepanyol, Portugal dan Ireland menandatangani perjanjian Undang-Undang Tunggal Ero-

Daripada
AHMAD NAZRI ABDULLAH
di Jerman Barat

pah tahun lalu bagi menyergamkan peraturan kastam, tarif dan beberapa undang-undang lain berhubung perdagangan.

EC juga bersetuju menggunakan satu mata wang Eropah dan sebuah Bank Pusat Eropah.

Berucap di majlis makan tengah hari meraikan beliau dan rombongan oleh Canselor Dr Helmut Kohl di sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia menyokong sepenuhnya pendirian Jerman Barat yang mempertahankan dasar kebebasan perdagangan antarabangsa.

"Negara-negara perindustrian mestilah menyedari hakikat bahawa kemudahan pengeluaran dan bahan utama memasuki pasaran bukan sahaja mengukuhkan sosioekonomi negara membangun, malah menolong menyekat putaran kemelesetan di negara membangun.

● Lihat muka 2 ruang 8

Kempen antikayu tropika bersifat pilih kasih: PM

BH 20 SEP 1988

Dari Muka 1

"Kemakmuran di negara membangun seperti Malaysia akan menyumbang kepada kemakmuran Jerman Barat dan negara maju yang lain kerana kami berupaya membeli lebih banyak barangan anda," kata Perdana Menteri.

Mengenai hubungan dua hala, Datuk Seri Dr Mahathir menghargai bantuan teknikal Jerman Barat dan berharap kerjasama yang sedia ada diperluaskan ke bidang yang penting bagi kemajuan perindustrian Malaysia.

Katanya, Jerman Barat adalah rakan perdagangan utama Malaysia di EC dan kini menduduki tempat keenam dalam senarai pelabur luar di Malaysia.

"Komitmen pengusaha Jerman Barat bukan sahaja menggambarkan keyakinan mereka terhadap dasar ekonomi kami, tetapi juga bukti kepada kestabilan politik Malaysia," ujarnya.

Perdana Menteri juga mengucapkan terima kasih kepada Jerman Barat yang menempatkan kira-kira 3,500 pelarian Vietnam dan berharap negara itu menyokong sepenuhnya Persidangan Antarabangsa Mengenai Pelarian Indochina yang dianjurkan oleh Asean tahun depan.

Dalam ucapannya yang turut didengar oleh ahli-ahli Parlimen dari Parti Christian Democratic Union, Christian Social Union dan Parti Green, Perdana Menteri juga menyentuh kempen antikayu tropika yang semakin meningkat sekarang.

Katanya, kempen itu sia-sia kerana ia tidak memberi gambaran yang sebenar dan bersifat pilih kasih.

"Saya suka menekankan di sini bahawa Malaysia sudah pun mengambil langkah berkesan memelihara hutan dan menanam semula hutan. Kami tidak sahaja melihat hutan, tetapi jenis kayunya yang perlu diselamatkan," katanya.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berharap Kajian Separuh Penggal Persidangan Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dan Tarif (GATT) di Montreal, Kanada Disember ini akan mencapai rumusan konkrit mengenai perdagangan kayu tropika.

Beliau juga berharap Rundingan GATT di Uruguay tahun depan berjaya mencapai kata sepakat bagi berdepan dengan bentuk perdagangan dunia sekarang, khususnya dalam usaha membanteras halangan dan tekanan dagangan.